

**GMM 2012 fokus usaha pupuk nilai keamanan sejagat**  
**The Malaysian Insider**  
**21 Disember, 2011**  
**Oleh Mohd Farhan Darwis**

KUALA LUMPUR, 21 Dis — Atas kesedaran untuk mewujudkan keamanan di seluruh dunia, Pertubuhan Alumni Universiti Islam Antarabangsa (UIA) dengan kerjasama Universiti Islam Antarabangsa akan menganjurkan Persidangan Antarabangsa Mengenai Gerakan Kesederhanaan Global (GMM) 2012.

Matlamat utama penganjuran program ini adalah untuk memperkenalkan kepada dunia bahawa tanggungjawab memupuk keamanan dan menjadikan dunia lebih baik pada masa hadapan adalah tanggungjawab semua pihak tanpa mengira taraf kemajuan sesebuah negara.

GMM ini akan menyaksikan pembentangan kertas kerja oleh 42 pembentang dari seluruh dunia yang akan mengulas tajuk-tajuk berkaitan keamanan dan kesejahteraan sejagat.

Khalek Awang yang merupakan presiden bagi penganjuran ini, "matlamat GMM adalah untuk memaparkan kepada dunia bahawa keamanan tidak mempunyai ruang sempadan yang terhad, ia tidak dibatasi agama dan kaum, tetapi ia bersifat universal."

"Idea penganjuran program ini tercetus selepas ucapan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak pada Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) tahun lalu yang menggesa negara-negara anggota supaya menolak kegiatan ekstrimis mereka dan menyertai gerakan kesederhanaan," katanya lagi.

Tambah beliau, hasil daripada pembentangan kertas kerja ini akan dijadikan 'blue print' yang akan dijadikan panduan dan model untuk keamanan dunia.

"Program tiga hari yang bermula 17 hingga 19 Januari tahun hadapan ini akan menyaksikan pembentang-pembentang dari seluruh dunia membuat pembentangan kertas kerja mereka dan dari situ, kita akan menjadikan kertas kerja dan cadangan mereka sebagai panduan untuk keamanan dunia," katanya ketika sidang media di sini.

Antara tokoh yang akan hadir membuat pembentangan adalah bekas perdana menteri Tun Dr Mahathir Mohamad, Menteri Luar Malaysia Datuk Seri Anifah Aman, pensyarah-pensyarah institusi pengajian tinggi dalam dan luar negara, serta pengamal media, pembuat polisi, duta, dan juga wakil-wakil ketua agama dari seluruh dunia.

Persidangan yang berlangsung di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur ini bertemakan 'Usaha Mengekalkan Keamanan Sejagat' dan akan dirasmikan oleh Najib.

Orang ramai yang berminat untuk menyertai persidangan ini perlu membuat tempahan awal di laman web :[www.gmm2012.org](http://www.gmm2012.org) dan hanya 100 tempat sahaja di tawarkan untuk orang awam.

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/gmm-2012-fokus-usaha-pupuk-nilai-keamanan-sejagat/>